

# LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN KE INSMAT

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4769-lawatan-kerja-timbangan-menteri-pertahanan-ke-insmat](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4769-lawatan-kerja-timbangan-menteri-pertahanan-ke-insmat)

KINRARA, 3 Apr 19 - Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, YB Senator Liew Chin Tong telah mengadakan lawatan sempena Lawatan Kerja ke Institut Latihan Pengurusan Material (INSMAT).

Terdahulu YB Liew Chin Tong telah membuat tinjauan di kawasan tanah lapang iaitu bekas tapak Hospital Kinrara yang terletak bersebelahan bangunan INSMAT.

Dalam lawatan ini beliau juga diberikan taklimat oleh Pemangku Pegawai Memerintah INSMAT, Mej Dhizulqizam bin Hamdan TUDM serta di bawa ke Galeri Bahan Letupan dan Litar Memandu di INSMAT.

Turut hadir Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, Lt Jen Dato' Hj Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM, Asisten Ketua Staf Material, Brig Jen Dato' Dr Hj Mohd Yunus bin Masjuki TUDM dan Pegawai-pegawai Kanan TUDM.



